

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

SOALAN

YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah Pemohonan Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di kawasan pelancongan dan apakah langkah Kementerian untuk mempromosikan pelancongan domestik mengikut SOP yang ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengumumkan program Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA atau PTF berjumlah RM1billion bertujuan untuk membantu Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan perusahaan mikro di dalam sektor pelancongan mengekalkan kemampuan mereka serta melakukan pelaburan yang diperlukan untuk menyesuaikan diri dan kekal berdaya maju akibat penularan pandemik COVID-19.
2. Berdasarkan maklum balas yang diterima oleh Bank Negara Malaysia, sehingga 25 November 2020, sebanyak 229 permohonan telah diluluskan daripada 506 permohonan yang diterima dengan keseluruhan pembiayaan berjumlah RM46.2juta. Sebanyak 134 permohonan berjumlah

NO. SOALAN : 1

RM31.7juta telah ditolak, manakala selebihnya sedang diproses dan dipertimbangkan oleh institusi kewangan. Secara keseluruhan, majoriti pemohon yang diluluskan adalah agensi dan pengusaha pelancongan, operator restoran dan hotel, perniagaan pertukaran wang, penyedia pengangkutan untuk pelancong dan lain-lain termasuklah perniagaan runcit membabitkan industri kraf, aktiviti rekreasi, ekosistem mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE) serta pelancongan perubatan.

3. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menyedari masih terdapat banyak ruang yang boleh diperbaiki dan akan terus berusaha untuk memastikan lebih banyak PKS dan perusahaan mikro mendapat manfaat daripada skim ini. Bagi tujuan ini, MOTAC akan terus mendapatkan input dan maklum balas daripada penggiat industri berkenaan PTF, meningkatkan tahap kesedaran mengenainya dikalangan penggiat industri pelancongan dan menggalakkan lebih ramai PKS dan perusahaan mikro untuk tampil membuat permohonan. Pada masa yang sama, maklum balas yang diterima turut dikongsi dengan agensi-agensi berkaitan seperti BNM dan institusi-institusi kewangan yang terlibat untuk menilai dan menambahbaik inisiatif ini dari semasa ke semasa.

4. Pada masa yang sama, Kementerian akan terus membudayakan pematuhan kepada operasi standard atau SOP-SOP yang telah ditetapkan demi memulihkan keyakinan orang awam untuk kembali melancong. Antara program promosi dan inisiatif jangka pendek yang telah dirancang dan dilaksanakan termasuklah:

- (i) Memberi galakan untuk rakyat kita melancong melalui insentif dan promosi dalam bentuk baucar rebat, e-baucar, *cashback* dalam bentuk *e-wallet* dan diskaun untuk tempahan pakej pelancongan, penginapan dan pengangkutan. Dalam erti kata lainnya, Kerajaan memberikan bantuan kewangan atau membayar sebahagian (*certain portion*) dalam perbelanjaan untuk rakyat kita melancong dalam negara. Ini sekaligus akan membantu industri perhotelan dan lain-lain yang berada dalam rangkaian industri pelancongan seperti pengangkutan dan F&B;

NO. SOALAN : 1

- (ii) meneruskan kerjasama dengan penggiat-penggiat industri dan semua Kerajaan Negeri dalam membangun dan menawarkan pakej-pakej pelancongan baru yang menarik melalui platform digital. Destinasi pelancongan di luar bandar atau *hidden gems* yang baru diketengah dan dipromosikan kerana pelancong kini lebih cenderung memilih destinasi yang selamat, kurang orang dan udara segar;
- (iii) meneruskan “Siri Jelajah Semarakkan Pelancongan Domestik” ke seluruh negara untuk mempromosikan pelancongan domestik, memperkenalkan produk baru pelancongan, produk warisan seni dan kebudayaan negara serta juga memberi nafas baru kepada produk sedia ada;
- (iv) melaksanakan “Siri Jelajah Kempen Pembudayaan Norma Baharu” yang akan dijalankan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memberi pendedahan mengenai norma-norma baharu kepada penggiat industri pelancongan; dan
- (v) mempromosikan pelancongan domestik dalam negeri (*intra*) dan antara negeri (*interstate*) secara berterusan dengan menggunakan pelbagai slot pengiklanan media massa secara fizikal mahupun digital.

3. MOTAC akan meneruskan kesinambungan fokus-fokus jangka pendek ini, antaranya termasuklah memperuntukkan sebahagian besar peruntukan di bawah Belanjawan 2021 menerusi Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan seperti yang telah saya jelaskan semasa sesi penggulungan Bajet 2021 MOTAC di Dewan ini tempoh hari.

Sekian, terima kasih.